



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 27/2023

**PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA  
BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian pakaian Batik Malaysia semasa waktu bekerja bagi staf UMK selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); JPA.100-1/4/1(13) - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bertarikh 21 Ogos 2023.
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 3/2023 (Kali Ke-70) pada 28 Ogos 2023 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA.100-1/4/1(13) berhubung Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di UMK seperti berikut;
  - i. Pemakaian batik Malaysia bagi staf UMK adalah **diwajibkan** pada **setiap hari Khamis** dan **digalakkan** pemakaiannya pada **hari bekerja yang lain**; dan
  - ii. Ketetapan pemakaian pakaian batik Malaysia tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi yang telah ditetapkan kod pakaian tertentu.
3. Pemakaian pakaian batik Malaysia dalam kalangan pegawai perlu diberi perhatian bagi memastikan batik yang dipakai merupakan batik Malaysia bagi meneruskan sokongan kepada industri batik Malaysia dan memastikan ia kekal sebagai warisan dan lambang identiti Rakyat Malaysia.
4. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Pentadbiran Bil.02/2022 berhubung Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Bagi Staf Universiti Malaysia Kelantan dengan ini **dibatalkan**.
5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan semua staf diminta untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”  
“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**  
Pendaftar

11 SEPTEMBER 2023

s.k	-	Naib Canselor
	-	Timbalan-Timbalan Naib Canselor
	-	Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.100-1/4/1 (13)  
Tarikh : 24 Ogos 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Pemakaian batik Malaysia oleh pegawai perkhidmatan awam telah dilaksanakan semenjak tahun 1985. Bagi meneruskan sokongan kepada industri batik Malaysia dan memastikan ia kekal sebagai warisan dan lambang identiti rakyat Malaysia, Kerajaan bersetuju agar semua pegawai awam **diwajibkan** memakai pakaian **batik Malaysia** pada **setiap hari Khamis** dan **digalakkan** pemakaian pada **hari bekerja yang lain**.

3. Ketetapan pemakaian batik ini dikecualikan bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu.



4. Arahan pemakaian ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Melalui ketetapan baharu ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai Pemakaian Pakaian Batik Malaysia bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah **dibatalkan**.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian surat edaran ini dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)

**SOALAN LAZIM****PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	Apakah definisi batik Malaysia?	<p>Definisi batik Malaysia adalah seperti berikut:</p> <p>Batik Malaysia merupakan seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak. Batik Malaysia terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Batik Lukis</li> <li>• Batik Terap</li> <li>• Batik Sutera Saring</li> <li>• Batik Alternatif</li> </ul> <p>Maklumat lanjut batik Malaysia adalah seperti pautan berikut:</p> <p><a href="https://www.kraftangan.gov.my/index.php?com_content&amp;id=296">https://www.kraftangan.gov.my/index.php?com_content&amp;id=296</a></p>
2	Adakah pegawai awam lelaki dibenarkan memakai baju kemeja batik Malaysia berlengan pendek?	Tidak boleh. Pegawai awam lelaki hendaklah memakai baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang berdasarkan Jadual Tatacara Pemakaian Pakaian Batik Malaysia di perenggan 4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi.
3	Apakah pekeliling dan garis panduan yang boleh dirujuk berhubung pemakaian pakaian batik Malaysia?	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4	Adakah pegawai perubatan dan petugas kesihatan masih tertakluk dengan ketetapan pemakaian batik memandangkan pegawai klinikal memakai <i>lab coat</i> semasa bekerja?	Tidak, pegawai awam yang dibekalkan pakaian seragam adalah dikecualikan daripada pemakaian pakaian batik Malaysia termasuk petugas kesihatan yang memakai <i>lab coat</i> .
5	Adakah batik Sarawak dikategorikan sebagai batik Malaysia?	Batik Malaysia adalah yang dihasilkan oleh usahawan kraf batik yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, setiap negeri boleh menggunakan motif atau corak beridentitikan negeri masing-masing selagi melalui proses pembatikan (rujuk definisi batik Malaysia). Sebagai contoh batik yang dihasilkan oleh usahawan kraf batik di Sarawak, turut dipanggil batik Malaysia tetapi beridentiti Sarawak dengan penggunaan motif atau corak khusus yang terdapat dalam budaya masyarakat di Sarawak.
6	Adakah corak Pua Kumbu yang berasal dari Sarawak dan dicetak pada pakaian dikategorikan sebagai batik Malaysia?	Corak Pua Kumbu boleh digunakan sebagai motif pada batik Malaysia selagi melalui proses pembatikan (rujuk definisi batik Malaysia).
7	Bolehkah pegawai wanita memakai tudung bercorak batik sahaja dan bukan pakaian batik Malaysia?	Tidak boleh.
8	Adakah pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib jika enggan memakai pakaian batik Malaysia?	Ketua Jabatan boleh menasihati pegawai sekiranya enggan memakai pakaian batik Malaysia. Sekiranya masih ingkar dengan alasan yang tidak munasabah, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.
9	Adakah pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam boleh memakai baju batik Malaysia?	Bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam adalah dikecualikan daripada pemakaian pakaian batik Malaysia. Walau bagaimanapun, kebenaran pemakaian batik Malaysia boleh diberikan oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepada ketetapan dan kesesuaian masing-masing.